

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 NOVEMBER 2022
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 37

Pendapatan e-dagang Malaysia RM289.2 bilion

Pendapatan e-dagang Malaysia RM289.2 bilion

PETALING JAYA – Malaysia merekodkan pendapatan e-dagang berjumlah RM289.2 bilion untuk suku tahun ketiga 2022, berdasarkan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan yang diterbitkan Jabatan Perangkaan semalam.

Jelasnya, ia merupakan peningkatan sebanyak 3.7 peratus tahun ke tahun. Berbanding suku tahun kedua pula, pendapatan e-dagang meningkat sedikit pada 0.3 peratus.

Sementara itu, prestasi sektor perkhidmatan pada suku ketiga 2022 merekodkan RM517.4 bilion, dengan pertumbuhan 32.3 peratus tahun ke tahun.

“Bagi perbandingan dengan suku tahun sebelumnya, jumlah hasil mencatatkan pertumbuhan 2.2 peratus atau RM10.9 bilion.

“Bilangan pekerja sektor perkhidmatan pula berjumlah 3.8 juta orang, meningkat 161,000 orang, atau 4.4 peratus tahun ke tahun.

“Sementara gaji dan upah yang dibayar turut mencatatkan peningkatan sebanyak RM2.1 bilion, atau 8.7 peratus tahun ke tahun. Untuk perbandingan antara suku tahun, gaji dan upah meningkat 1.2 peratus kepada RM26.2 bilion pada suku ketiga 2022,” katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Perangkaan turut mengumumkan



PRESTASI sektor e-dagang negara terus mencatatkan pertumbuhan pasca pandemik, ketika orang ramai kini bebas membeli-belah secara fizikal. – GAMBAR HIASAN

nilai jualan perdagangan borong & runcit Malaysia pada September lalu yang merekodkan RM134 bilion, iaitu pertumbuhan 23.9 peratus tahun ke tahun.

Peningkatan disumbangkan

subsektor perdagangan runcit yang meningkat 30 peratus kepada RM57.7 bilion, manakala perdagangan borong berkembang 13.3 peratus kepada RM60 bilion.

“Dalam tempoh sama, nilai

jualan kenderaan bermotor naik 51 peratus kepada RM16.3 bilion.

“Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan perdagangan borong & runcit naik 0.3 peratus,” katanya.